



ONG TEE KIAT



HISHAMMUDDIN

Hishammuddin selar Tee Kiat

Um - 13/9/2006

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein hari ini menyelar Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Kiat kerana membuat tuduhan secara terbuka kononnya pegawai-pegawai kerajaan melesapkan peruntukan khas untuk beberapa sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) di Johor.

Sambil menafikan segala dakwaan itu, beliau menyifatkan tindakan Tee Kiat itu sebagai tidak bertanggungjawab dan tidak lebih daripada cubaan untuk menonjolkan diri sebagai jaguh dalam memperjuangkan nasib kaum Cina.

"Saya hendak bagi tahu Ong bahawa kerjasama saya dengan Presiden dia (Ong Ka Ting) dan Timbalan Menteri dia sendiri (Hon Choon Kim) yang berada dalam Kementerian Pelajaran telah selesai banyak perkara (berkaitan pendidikan Cina) tanpa heboh satu kampung, malah berhubung kait dengan isu yang lebih berat," katanya pada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Hishammuddin berkata, antara isu besar berkaitan pendidikan Cina yang berjaya diselesaikan adalah formula Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) bagi SJKC, buku teks PPSMI SJKC dan peruntukan khas RM10 juta untuk sekolah-sekolah tidak selamat.

"Kita yang perjuangkan semua ini. Di masa itu, di mana dia,"

soalnya.

Sabtu lalu, Naib Presiden MCA itu dilaporkan sebagai berkata bahawa terdapat pegawai-pegawai kerajaan terlibat dalam melesapkan peruntukan yang diberikan kepada beberapa SJKC di Johor.

Beliau mendakwa penyelewengan itu selalu berlaku kerana ada pegawai kerajaan tidak menghiraukan aduan rakyat dan pada masa yang sama, terdapat pegawai tinggi kerajaan cuba menutup kesalahan mereka.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu seterusnya berkata, apa yang lebih menyedihkan tuduhan itu dibuat di hadapan guru-guru.

"Saya sangat terkilan dengan cara ayat, hujah dan lokasi ucapan yang dibuat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi itu. Ini akan menimbulkan kemarahan dalam kalangan pegawai kerajaan itu sendiri yang betul-betul bersungguh," katanya.

Beliau turut melahirkan kebimbangan kerana tuduhan tidak berasas itu datang daripada pemimpin muda BN.

"Ini bukan menggambarkan seorang pemimpin BN. Ini menggambarkan seorang yang hendak jadi pemimpin yang hendak jadi popular di mata kaumnya sendiri.

"Saya tahu apa yang saya cakap ini akan ada reaksi dari dia untuk tunjukkan dia jadi jaguh. Ini cara dia, saya sudah kenal dia dan saya tidak akan lupa perkara ini," tegas beliau.